

## **PEMERKASAAN INSTITUSI ZAKAT DALAM MENANGANI KEPERLUAN INDIVIDU MUFLIS DI BAWAH ASNAF AL-GHARIMIN DI BRUNEI DARUSSALAM**

***Empowering Zakat Institutions In Handling Individual Needs Of Muflis  
Under Asnaf Al-Gharimin In Brunei Darussalam***

Azme Matali<sup>i</sup> & Azman Ab Rahman<sup>ii</sup>

<sup>i</sup>Pengarah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i dan Penolong Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. azme.hjmatali@unissa.edu.bn

<sup>ii</sup>Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. azman@usim.edu.my

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Punca seseorang itu diisyiharkan muflis menjadi antara kriteria utama dalam menentukan kelayakannya untuk menerima zakat di bawah asnaf al-Gharimin. Oleh itu, tidak semua individu yang berstatus muflis layak menerima zakat kerana kelayakan menerimanya bergantung kepada sebab atau punca hutang. Beban yang ditanggung bukan sahaja memberi impak negatif kepada dirinya, malah ahli keluarga juga turut merasa beban yang sama. Artikel ini bertujuan meneliti dan mengenalpasti tiga aspek utama dalam menangani keperluan individu muflis di bawah asnaf al-Gharimin. Pertama, peranan dan urus tadbir pelaksana zakat. Kedua, faktor berhutang dan statistik permohonan zakat dan ketiga, tindakan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam menangani keperluan individu muflis. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah perpustakaan, dokumentasi dan temubual bagi mendapatkan data sekunder dan primer berkaitan objektif kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa individu muflis mendapat bantuan sewajarnya dalam menyelesaikan hutang mereka melalui wang zakat dengan merujuk garis panduan dan</i></p>	<p><i>The cause of an individual being declared bankrupt is among the main criteria in determining one's eligibility to receive zakat under asnaf al-Gharimin. Therefore, not all individuals who have the status of bankruptcy are entitled to zakat as it depends on the leading cause or the cause for debt. The burden borne not only has a negative impact on him, but also the family members. This article aims to examine and identify the three key aspects of addressing individual bankruptcy needs under asnaf al-Gharimin. Firstly, the role and governance of zakat implementers. Secondly, the debt factor and statistics of the zakat and thirdly, application — the action of the Brunei Islamic Religious Council (MUIB) in addressing individual bankruptcy needs. The methodology of this study is qualitative; it uses library research, documentation and interview methods to obtain secondary and primary data related to the objectives of the study. The findings of the study observe that individuals who get bankrupt are given the necessary assistance in settling their debts through zakat money by referring to the guideline and according to the criteria set.</i></p>

<p>mengikut kriteria yang ditetapkan. Kajian ini diharapkan boleh memberikan impak yang positif khususnya dalam pengurusan yang lebih sistematik dan relevan di Brunei Darussalam. Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan tambahan oleh pihak-pihak berautoriti di Brunei Darussalam khususnya badan-badan yang terlibat dengan kutipan dan agihan zakat secara menyeluruh.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> Muflis, al-Gharimin, Brunei Darussalam.</p>	<p><i>This study is expected to provide a positive impact, especially in the more systematic and relevant management in Brunei Darussalam. This study can also be used as an additional reference by authorized parties in Brunei Darussalam, in particular the bodies involved in the collection and distribution of zakat as a whole.</i></p> <p><b>Keywords:</b> Muflis, al-Gharimin, Brunei Darussalam.</p>
--	---

## PENDAHULUAN

Urus tadbir yang cekap dan efisen perlu ada dalam sistem pengurusan zakat dan ia sangat penting dalam setiap negara Islam kerana bukan sahaja dapat menjana dan mengukuhkan tahap ekonomi sesebuah negara malah dapat menangani keperluan individu yang memerlukannya. Pengurusan zakat di Brunei Darussalam dilihat mempunyai sistem pengurusan zakat yang tersendiri di samping mempunyai perundangan berkaitan zakat yang mengukuhkan lagi pelaksanaan zakat. Kajian ini akan memfokuskan tiga aspek utama dalam menangani pengurusan zakat yang efektif bagi individu muflis di bawah asnaf *al-Gharimin* iaitu mengenalpasti peranan dan urus tadbir pelaksana zakat, faktor berhutang dan statistik permohonan zakat dan tindakan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam menangani keperluan individu muflis.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah perpustakaan, dokumentasi dan temubual. Kajian perpustakaan berdasarkan rujukan-rujukan sedia ada sama ada buku, tesis mahu pun akta-akta, perintah-perintah darurat dan peraturan-peraturan negara Brunei Darussalam. Di samping itu, temubual juga telah dilakukan dengan menemubual pihak-pihak berkepentingan daripada Badan Agihan dan Kutipan Zakat (BAKAZ), Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sebagai hujung tombak perlaksanaan zakat di Brunei Darussalam.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Definisi Hutang

Hutang dalam bahasa Arab disebut *al-Qard* (القرض). *Al-Qard* dari segi bahasa bermaksud potong. Menurut kamus *al-Misbah al-Munir*, "قرضت الشيء قرضاً" maksudnya saya memotong sesuatu. Kata nama perkataan ini pula membawa maksud suatu barang yang diberikan kepada seseorang sebagai hutang. Perkataan ini digunakan dalam bahasa Arab kerana ia (hutang) memotong hak pemilik terhadap barang tersebut (Mustafa al-Khin, 2000).

Menurut istilah para fuqaha, hutang ialah memberi hak milik sesuatu barang kepada orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan semula gantinya tanpa sebarang tambahan (Mustafa al-Khin, 2004).

Proses ini dalam bahasa arab dinamakan *al-Qard* kerana proses ini menyebabkan tuan punya barang memotong sebahagian hak miliknya untuk diberikan kepada penghutang. Ini sesuai dengan makna *al-Qard* dari segi bahasa.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah 2: 282 menjadi hujah kepada keharusan berhutang dalam Islam.

﴿يٰ أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَائِبُمْ بِدِيْنِ إِلَيْنَا أَجْلَ مُسْمَى فَأَكِّلْ بُنْوَهُ وَلِيَكُلْبُنْبُهُ  
بِيْنُكُمْ كَاتِبٌ بِإِلْعَدَلِ لَوْلَا يَأْتِبْ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبْ كَمَا عَلَمَهُ اللَّهُ...﴾

Mafhumnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu melakukan hutang piutang untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Janganlah penulis menolak untuk menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkan kepadanya..."(Al-Quran. Al-Baqarah 2: 282)

Islam mengharuskan pinjaman dan berhutang bagi mereka yang memerlukannya. Walau bagaimanapun, ia bukanlah cara untuk berbelanja secara bermewah-mewah dan bermegah-megah tanpa didasari keperluan dan alasan yang kukuh, malah Islam menyediakan garis panduan bagi mengelakkan diri dan keluarga daripada beban hutang. Hutang merupakan satu liabiliti atau tuntutan kewangan bagi satu tempoh pada masa hadapan (Raziah Md Tahir, 2004).

Adalah menjadi satu kewajipan kepada individu yang mempunyai hutang untuk membayar balik hutangnya sebagaimana yang dijanjikan. Kewajipan ini tidak terkecuali sama ada seseorang itu berhutang dengan individu ataupun dengan pihak institusi. Islam memberi penekanan serius kepada soal hutang kerana ia boleh membawa kebencian dan kehinaan kepada seseorang yang gagal melunaskan hutangnya.

### Definisi Muflis

Muflis dari segi bahasa diambil dari kalimat *al-fals* yang bererti ketiadaan harta (Al-Syarbini, t.t; Al-Zuhayli, 1997; Al-Zuhayli, 1999). Kalimat *al-muflis*

mengikut kebiasannya bererti orang yang tidak berharta. Manakala dari segi syarak orang muflis bererti orang yang tidak dapat membayar hutang, atau orang yang mempunyai hutang sekeliling pinggang, atau orang yang menanggung hutang jauh lebih besar daripada hartanya untuk membayar (Al-Syarbini, t.t; Al-Zuhayli, 1997; Al-Zuhayli, 1999). Orang yang menepati ciri tersebut dipanggil muflis, biar sekalipun ia mempunyai harta. Ini kerana harta yang ada tidak cukup untuk menutupi hutang yang mana sama seperti seorang yang tidak berharta atau boleh ditakwilkan sebagai tidak berharta setelah hartanya habis diguna membayar hutang, atau kerana ia disekat daripada mengendalikan harta kecuali membelanjakan sedikit untuk keperluan asasi, seperti sejumlah kecil wang dan sebagainya (Al-Syarbini, t.t; Al-Zuhayli, 1997; Al-Zuhayli, 1999).

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa muflis adalah individu atau pihak yang tidak dapat melunaskan hutang apabila telah sampai tempoh (matang) walaupun dia mempunyai harta kerana tanggungan hutangnya adalah jauh lebih besar daripada harta yang dimiliki. Individu yang muflis boleh terdiri daripada lelaki atau wanita dan terdiri daripada individu atau syarikat.

Perkataan ‘muflis’, menurut Kamus Dewan bermaksud tidak sanggup (berupaya) membayar hutang, bankrap (Noresah Bte Baharom, 2007).

Bankrap pula bermaksud tidak berupaya hendak menyelesaikan hutang, muflis; syarikat itu – akibat kerugian besar yang dialaminya (Noresah Bte Baharom, 2007)

Selain itu, pengumuman muflis bermaksud seruan muflis, iaitu menghebahkan diri kepada orang ramai sebagai seorang yang kehabisan harta (Al-Syarbini, t.t; Al-Zuhayli, 1997; Al-Zuhayli, 1999). Manakala menurut syarak ia bererti hakim mengeluarkan pengumuman muflis ke atas seorang dan mengeluarkan perintah larangan mengendalikan harta, atau merampas harta orang larangan untuk dibayar kepada pemutang (Al-Syarbini, t.t; Al-Zuhayli, 1997; Al-Zuhayli, 1999).

Berdasarkan pandangan fuqaha’ termasuk ulama mazhab Syafi’i, status muflis hendaklah dibuat oleh hakim atau mahkamah. Setelah diisyiharkan muflis, sekatan boleh dilaksanakan. Jika mahkamah mengeluarkan perintah sekatan, maka penghutang adalah dilarang melakukan apa-apa tindakan atau urusan yang boleh menjelaskan para pemutang. Ini termasuklah mengeluarkan derma atau membuat pertukaran harta dan membuat ikrar hutang (Al-Syarbini, t.t; Al-Zuhayli, 1997; Al-Zuhayli, 1999). Hakim atau mahkamah mempunyai kuasa untuk menjual harta milik penghutang dan hasilnya diagihkan kadar bayarannya kepada semua pemutang. Dalam hal ini, bagi ulama Syafi’i mengenakan dua syarat sekatan:

1. Jumlah hutang melebihi daripada jumlah harta milik penghutang.

2. Para pemutang membuat permintaan perintah sekatan ke atas penghutang (Al-Syarbini, t.t; Al-Zuhayli, 1997; Al-Zuhayli, 1999).

Hukuman sekatan ini tidak menjaskan hak orang muflis daripada membelanjakan hartanya untuk keperluan hidup isteri, anak, keluarga dan dirinya sendiri. Ini kerana keperluan asasi adalah mendahului (lebih penting daripada) hak para pemutang (Al-Syarbini, t.t; Al-Zuhayli, 1997; Al-Zuhayli, 1999).

Para ulama mazhab juga bersepakat bahawa seorang muflis tidak dilarang menggunakan hartanya, sebesar apapun hartanya kecuali sesudah adanya larangan dari hakim. Kalau dia menggunakan seluruh hartanya sebelum adanya larangan hakim, maka tindakannya itu dianggap berlaku. Para pemutang dan siapapun tidak berhak melarangnya, sepanjang hal itu tidak dimaksudkan untuk melarikan diri dari hutang atau menggelapkan hak-hak orang lain yang ada pada dirinya, khususnya bila tidak ada harapan untuk bertambahnya penghasilan berdasarkan kenyataan yang ada (Muhammad Jawad Mughniyah, 2000).

### Definisi *al-Gharimin*

Menurut Peraturan Zakat dan Fitrah 1969 (Peraturan Zakat dan Fitrah 1969), *al-Gharimin* ialah orang Islam yang berhutang secara yang diluluskan oleh hukum Syarak.

Orang yang berhutang kerana dirinya atau orang tanggungannya, pada perkara *mubah* sama ada taat atau harus, atau pada perkara maksiat dan dia belanjakannya pada perkara yang harus, atau pada perkara yang harus dan ia belanjakannya pada perkara maksiat. Kiranya diketahui tujuannya pada yang harus atau tidak dan kita tidak terima dakwaannya pada yang harus melainkan dengan ada baiyyinah (keterangan) atau pada perkara maksiat dan ia belanjakannya pada maksiat tetapi ia bertaubat dan ada *ghalib zhann* kita bahawa benar taubatnya itu, maka diberi ia dari zakat dalam keadaan-keadaan yang tersebut, kiranya hutangnya telah sampai tempoh bayarannya dan ia lemah dari membayarnya, kemudian jika tiada ditangannya sesuatu bagi menunaikan hutang itu maka diberi ia kadar membayar semua hutangnya. Sekiranya ada sesuatu di tangannya, maka dibayarkan sesuatu yang ada di tangannya itu, sekadar cukup dan diberi ia zakat kerana membayar baki hutangnya itu. (Pehin Dr Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, 1970; Fatwa Mufti Kerajaan, 2002)

Berdasarkan penjelasan mengenai *al-Gharimin* di atas, maka sesiapa pun boleh diberikan bahagian zakat *al-Gharimin* kalau dia berhutang atas namanya dengan kemahuannya sendiri dan dia hanya akan meminta bahagian zakat *al-Gharimin* setelah tidak mampu membayar hutangnya.

## URUS TADBIR PELAKSANA ZAKAT DI BRUNEI DARUSSALAM

### Sejarah Pengurusan Zakat Di Brunei Darussalam

Fakta-fakta sejarah mengenai pentadbiran zakat di Brunei Darussalam tidak dapat diketahui dengan jelas (Awang Haji Metussin bin Haji Baki, 2003) kerana tidak banyak bukti yang diperolehi. Ini menghalang pengetahuan berkaitan sejarah pentadbiran zakat terutama sebelum kedatangan British ke Brunei. Walau bagaimanapun, kita percaya perlaksanaan zakat telah wujud sejak Islam mula bertapak di Brunei abad ke-15.

Apa yang diketahui pelaksanaan pentadbiran zakat pada ketika itu dikendalikan oleh individu dan berbentuk tradisi, iaitu menurut Haji Awang Metali b. Mat Yassin (dikenali sebagai Allahyarham Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utaman Haji Awang Metali b. Mat Yassin. Beliau dilahirkan di Kampung Pandai Besi pada tahun 1913. Beliau adalah di antara ulama yang banyak berjasa di dalam mengembangkan syiar Islam di Brunei Darussalam, sehingga beliau dianugerahkan sebagai 'Jasawan Agama' pada tahun 1412H/1991M) kebiasaan masyarakat Brunei mengeluarkan zakat kepada mereka yang berpengaruh dan disegani dalam sesebuah kampung atau mukim seperti pegawai-pegawai masjid (dimaksudkan pegawai-pegawai masjid ialah terdiri daripada Dato Imam, Siraja Khatib, Tuan Imam, Udana Khatib, Khatib-Khatib Mudim, Imam-Imam dan Bilal-Bilal. Lihat Religious Council and Kathis Court Act, Chapter 77 of the Laws of Brunei Darussalam) guru-guru agama, guru-guru al-Quran, bidan-bidan kampung dan orang-orang tua (Awang Haji Metussin bin Haji Baki, 2003) kerana pada anggapan masyarakat mereka itu lebih mengetahui hukum-hukum agama khasnya hukum-hukum zakat, pengalaman dan latar belakang kehidupan yang luas dan baik. Selain itu juga, kebanyakan zakat yang dikeluarkan adalah zakat fitrah dan sedikit zakat harta. Setakat yang diketahui zakat harta ialah padi (Awang Haji Metussin bin Haji Baki, 2003). Mungkin juga ada jenis-jenis zakat yang lain seperti binatang ternakan.

Berkemungkinan pengeluaran zakat hanya dengan jumlah yang sedikit sahaja disebabkan oleh keadaan taraf hidup yang rendah pada ketika itu. Sumber pendapatan masyarakat yang majoritinya bekerja sebagai petani atau bersawah padi bagi mereka yang tinggal di darat dan bekerja sebagai nelayan bagi mereka yang tinggal di kampung air (Awang Haji Metussin bin Haji Baki, 2003).

Kedatangan British ke Brunei telah membawa arus perubahan dalam pentadbiran dan pemerintahan kerajaan Brunei. Mulai pada masa ini kedudukan agama Islam dipisahkan dari hal-hal pentadbiran, ekonomi, politik, sosial dan sebagainya.

Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama pada tahun 1954 dan Majlis Ugama Islam pada tahun 1955 (Jabatan Hal Ehwal Ugama, 1981) telah

mengukuhkan lagi kedudukan orang Islam di negara Brunei Darussalam di samping dapat mengatur dan mengemaskan pentadbiran agama amnya dan pentadbiran zakat khasnya. Zakat diperuntukkan di dalam undang-undang negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya pada tahun 1955 (Religious Council and Kathis Court Act Enactment 1955).

Penubuhan tersebut menunjukkan bermula dari waktu itu baharulah wujud satu pentadbiran zakat ditadbirkan oleh Majlis Ugama Islam di bawah pengurusan seorang pegawai dikenali sebagai Pengelola Baitulmal, Zakat dan Fitrah (Peraturan Zakat dan Fitrah, 1969).

Pada peringkat ini, segala pengurusan, pengutipan dan pengagihan zakat harta dan zakat fitrah tidak diuruskan oleh Majlis. Majlis hanya memberi makluman kepada umat Islam di Brunei Darussalam berkaitan dengan jumlah nisab zakat yang wajib dikeluarkan pada setiap tahun khususnya zakat fitrah dengan disiarkan di dalam warta Kerajaan.

Bermula 1 Januari 1969 (Awang Yahya bin Haji Ibrahim, 1969) barulah pengurusan dan pentadbiran zakat khususnya pengutipan dan pengagihannya dilaksanakan sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menguatkuasakan peruntukan undang-undang di dalam seksyen 114, Enakmen Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955, (Bil. 20 tahun 1955).

### Kuasa Majlis Ugama Islam

Pentadbiran dan Pengurusan zakat di Negara Brunei Darussalam adalah di bawah kuasa Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Di dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi no. 77 dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam terdapat peruntukan mengenai Zakat Fitrah Bab 114 hingga 121. Bab-bab tersebut memperuntukkan syarat-syarat dan bagi dijalankan pungutan zakat fitrah di Negara Brunei Darussalam (Garispanduan Tugas dan Tanggungjawab Amil, 2007).

Bab 114 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 memperuntukkan seperti berikut:

*"Bab 114. Majlis Hendaklah mempunyai kuasa, dan hendaklah bertugas, untuk memungut bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan untuk menyelesaikan sebagaimana yang diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tertakluk kepada syarat-syarat dari Akta ini, semua zakat dan fitrah yang harus dibayar di Negara Brunei Darussalam menurut hukum syarak, dan hendaklah berbuat demikian setakat mana dan dengan cara yang ditetapkan dalam Akta ini".*

## Peraturan Zakat dan Fitrah 1969

Pentadbiran dan pengurusan zakat fitrah di Brunei Darussalam mulai berjalan dengan teratur dan sempurna sejak Undang-Undang Zakat Fitrah disahkan pada tanggal 11 Syawal 1389H bersamaan 1 Januari 1969M. Di mana dengan ini, Majlis Ugama Islam berkuasa memungut semua zakat fitrah serta membahagikannya kepada yang berhak di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Bagi melaksanakan kehendak bab 114 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 itu, satu Peraturan Zakat dan Fitrah telah dibuat dan Peraturan itu telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berdasarkan warkah perkenan Baginda bilangan: (37) dalam HHPO 14/1965 bertarikh 16 Disember 1969 bagi menguatkuasakan Bab 1 ceraian (2) dari Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi tahun 1955 (sekarang bergelar Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77), yang mengandungi syarat-syarat dan kuasa-kuasa bagi dijalankan pemungutan zakat dan fitrah di negara ini. Peraturan ini telah berkuatkuasa pada 11 Syawal 1389H bersamaan 01 Januari 1969M.

Peraturan zakat dan fitrah 1969 mengatur cara-cara Majlis Ugama Islam Brunei dalam memungut zakat dan fitrah daripada sekalian umat Islam di seluruh Negara Brunei Darussalam. Pemusatan pemungutan zakat ini telah bermula pada 11 Syawal 1389 bersamaan 1 Januari 1969.

Dengan berkuatkuasa Peraturan Zakat dan Fitrah 1969 ini, maka amil-amil telah dilantik bagi menjalankan tugas untuk mengendalikan pengutipan zakat dan fitrah. Amil-amil ini dilantik atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Amil-amil yang dilantik adalah kebanyakannya dari kalangan pegawai-pegawai masjid yang terdiri daripada imam-imam dan bilal-bilal. Disamping itu, ada juga amil-amil yang dilantik daripada kalangan Penghulu-Penghulu / Ketua-Ketua Kampung, Guru-Guru Agama, Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang bersesuaian mengikut kawasan-kawasan yang ditentukan (Garispanduan Tugas dan Tanggungjawab Amil, 2007).

## Sejarah Majlis Ugama Islam

Majlis Ugama Islam ditubuhkan setelah pengesahan Undang-Undang No.20/1955 (Undang-Undang Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, 1955) yang telah digubal berasaskan kepada Undang-Undang dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1955 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Februari 1956 semasa pemerintahan Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Undang-Undang No.20/1955 (Undang-Undang Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, 1955) ini mengandungi banyak perkara mengenai hal ehwal ugama Islam yang antara lain ialah Penubuhan Majlis Ugama Islam, wujudnya Jawatan Mufti, Penubuhan Jawatankuasa Undang-Undang, Jawatankuasa Kehakiman, Mengemaskinikan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Masalah-Masalah Muallaf, Jenayah Agama, Pentadbiran Zakat dan lain-lain lagi.

Undang-Undang No.20/1955 (Undang-Undang Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, 1955) ini setelah disemak semula pada tahun 1984, sekarang ini dikenali sebagai Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Tugas dan peranan utama Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam ialah membantu dan menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Ketua Ugama dalam segala hal yang berkaitan dengan Agama Islam iaitu sebagaimana yang disebutkan dalam bab 38 tentang kuasa-kuasa Majlis dalam Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi penggal 77 di bawah tajuk Kuasa-Kuasa Dalam Perkara-perkara Ugama yang menegaskan seperti berikut:

*"Majlis hendaklah, bagi pihak dan di bawah kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua Ugama Rasmi Negara Brunei Darussalam, membantu dan menasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam semua hal yang berkaitan dengan agama rasmi Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah dalam semua hal-hal tersebut menjadi pihak berkuasa yang utama di Negara Brunei Darussalam, kecuali sejauh mana yang dipersyaratkan sebaliknya oleh Akta ini."*

### **Pendirian Jawatankuasa Bagi Pelaksanaan Zakat**

Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam telah melantik sebuah Jawatankuasa Pengeluaran Wang Zakat yang bertugas memandu dasar dan perjalanan pemungutan dan pembagian zakat fitrah di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Jawatankuasa ini mempunyai kuasa membuat keputusan muktamad bagi pemberian semua jenis bantuan kepada fakir miskin dan asnaf-asnaf yang lain di Negara Brunei Darussalam dan menetapkan jumlah, kadar, jenis atau bentuk bantuan yang akan diberikan atau diluluskan.

Setiap permohonan bantuan dari fakir miskin dan asnaf-asnaf yang lain, sebelum dihadapkan kepada Jawatankuasa Pengeluaran Wang Zakat, akan diteliti terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Peneliti Permohonan-Permohonan dari Asnaf-Asnaf untuk mendapatkan bahagian zakat yang akan memenuhi keperluan mereka atau sebaliknya berdasarkan kepada

maklumat dan laporan penyiasatan yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai Pemungutan dan Penyaluran Zakat Majlis Ugama Islam.

Jawatankuasa ini dilantik berdasarkan bab 41(1) Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 yang bertugas mengeluarkan Fatwa mengenai undang-undang atau ajaran ugama Islam bagi pihak Majlis Ugama Islam.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Mufti Kerajaan dan mempunyai tidak kurang dari 2 Ahli lain dari Majlis Ugama Islam dan tidak kurang dari 6 orang lain yang terdiri samada daripada ahli Majlis ataupun tidak.

Berdasarkan bab 42(1), bahawa siapa saja boleh menulis surat kepada Setiausaha Majlis Ugama Islam meminta supaya Majlis mengeluarkan Fatwa mengenai ajaran ugama Islam dan Setiausaha Majlis Ugama Islam akan menghadapkan permintaan tersebut kepada Penggerusi Jawatankuasa Undang-Undang bagi mengeluarkan Fatwa atas nama Majlis (Haji Muhammad Khalid, Abdul Ishraq, Hartina dan Haji Zakaria, 2018).

### **Badan Kutipan dan Agihan Zakat (BAKAZ)**

Bahagian Kutipan Dan Agihan Zakat (BAKAZ) merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan Majlis Ugama Islam. Fungsi utama Bahagian ini ialah mengutip dan mengagihkan wang zakat yang diterima dari pengeluar wang zakat untuk diagihkan kepada enam ansaf yang berhak di Negara Brunei Darussalam. BAKAZ diketuai oleh seorang Ketua Bahagian yang bertanggungjawab kepada Setiausaha Majlis Ugama Islam dalam perkara pentadbiran zakat.

Pusat dibahagikan kepada lima rangkaian Unit iaitu:-

1. Unit Pentadbiran, Penyelidikan Dan Perkembangan;
2. Unit Urusetia Mesyuarat;
3. Unit Kutipan Dan Pengumpulan;
4. Unit Permohonan Dan Agihan; dan
5. Unit Kewangan Dan Perakaunan

### **Fungsi Bahagian Zakat**

Bertugas mengutip / menerima / menyimpan / mengagihkan wang zakat.

### **Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat**

Majlis Ugama Islam telah melantik Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat (JMZ) yang bertindak bagi memandu dasar dan perjalanan kutipan dan pengagihan zakat dan fitrah di seluruh negara. Jawatankuasa inilah yang membuat keputusan muktamad bagi pemberian semua jenis bantuan kepada asnaf-asnaf yang berhak termasuk juga mengenai dengan jumlah, kadar atau jenis bantuan yang akan diberikan.

## Jawatankuasa Meneliti Permohonan Bantuan Dari Asnaf-Asnaf Zakat

Jawatankuasa ini bertindak meneliti semua permohonan yang dihadapkan kepada Bahagian Kutipan Dan Agihan Zakat dan akan membuat sokongan untuk diberi bantuan atau sebaliknya berdasarkan laporan, penyiasatan lawatan dan soal selidik kepada pemohon sebelum dihadapkan kepada Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat untuk pertimbangan dan keputusan.

## KEPENTINGAN ZAKAT ASNAF AL-GHARIMIN BAGI MENANGGANI KEPERLUAN INDIVIDU MUFLIS

### Kumpulan Asnaf Zakat di Brunei

Jabatan Majlis Ugama Islam adalah merupakan sebuah institusi yang diamanahkan untuk mengurus kutipan dan agihan zakat di Negara Brunei Darussalam kerana itu ia menjadi tumpuan utama orang ramai terutamanya golongan fakir, miskin dan susah yang berugama Islam.

Sebagai tumpuan, Jabatan Majlis Ugama Islam sentiasa berhadapan dengan cabaran dalam pengurusan zakat. Keluhan, sungutan, rungutan segelintir orang, juga suara-suara menyatakan sukar untuk memohon wang zakat dan kelambatan pengeluaran wang zakat. Sebenarnya pengagihan wang zakat bukanlah satu kerja mudah, ini kerana ianya adalah satu amanah dari Allah. Oleh kerana itu, pengagihan zakat memerlukan penelitian dan penilaian rapi dalam pelbagai aspek melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan. Bakal penerima zakat adalah perlu menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh syarak. Permohonan mereka yang tidak menepati kriteria terpaksa ditolak.

Terdapat enam (6) sahaja golongan Asnaf Zakat di Negara Brunei Darussalam dari lapan (8) golongan yang dimaktubkan oleh syarak (Pelita Brunei, 2015), iaitu:

1. Fakir
2. Miskin
3. 'Amil
4. Muallaf
5. Ibnu Sabil
6. Al-Gharimin

### Minima hutang yang layak dianggap *al-Gharimin*

Tidak ada had minima hutang bagi seseorang yang layak bagi memohon wang zakat melalui asnaf *al-Gharimin* (Hj Muhammad Fahmi, Hartina dan Roznehanizah, 2019) bertepatan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bagi menangani penanggung-penanggung hutang yang tidak dapat hutang-hutang mereka melalui titah Baginda semasa

keberangkatan Baginda ke Persidangan Majlis Ugama Islam pada 13 Januari 2009 berbunyi:

*"selain fokus beta kepada asnaf fakir miskin, beta juga ingin mengetahui kedudukan asnaf penanggung-penanggung hutang mereka, seperti misalnya berhutang kerana membeli rumah kerajaan dan lainnya, melalui seperti Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Rancangan Perumahan Negara, Skim Perumahan Yayasan dan lain-lain seumpamanya?"*

*"pada selama ini kita sudah biasa meluluskan bahagian al-Gharimin kepada orang-orang tertentu yang berhutang untuk projek-projek bagi maslahat umum, seperti membuat masjid atau sekolah. Dalam hubungan ini, apakah tidak munasabah dan relevan jika bahagian al-Gharimin ini juga turut ditimbangkan untuk membayar hutang-hutang tertunggak, bagi penghutang-penghutang yang berhutang kerana maslahat asasi peribadi, jika sekiranya mereka itu layak atau berhak untuk menerima zakat bahagian al-Gharimin?"*

Justeru, intipati titah KDYMM bagi membantu golongan penanggung-penanggung hutang yang tidak mampu membayar hutang mereka adalah niat yang murni dan telus bagi mengurangkan beban yang dipikul dan sekaligus niat Baginda untuk mengistiharkan negara ini bebas dari kemiskinan, walaupun untuk sehari sepertimana Baginda sendiri menyebut tentang matlamat wawasan untuk menjadikan kadar kemiskinan di negara ini ke tahap sifar sebagaimana Titah Baginda semasa keberangkatan Baginda ke Persidangan Majlis Ugama Islam pada 13 Januari 2009 berbunyi:

*"...langkah bahagiannya kita, jika dapat mengisyiharkan negara ini bebas dari kemiskinan, walaupun untuk sehari, sebagaimana ini pernah beta sebut ketika Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-4 Majlis Mesyuarat Negara pada Mac 2008 yang lalu. Beta telah menyebut tentang matlamat wawasan untuk menjadikan kadar kemiskinan di negara ini ke tahap sifar".*

## Faktor Berhutang

MUIB telah mengenalpasti faktor utama berhutang sehingga individu itu dilabelkan sebagai muflis ialah hutang peribadi. Mengikut garis panduan *al-Gharimin* dibawah MUIB, hutang peribadi sukar untuk diluluskan atau dibantu bagi mendapatkan wang zakat kerana hutang ini tidak dikategorikan sebagai hutang dharuriyyat. Selain itu, hutang disebabkan bayaran bulanan balik kepada pihak kerajaan; Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Rancangan Perumahan Negara, Skim Perumahan Yayasan serta bil air dan elektrik yang tertunggak tidak mengheretnya sebagai individu muflis kerana Kerajaan Brunei telah menyediakan garis pandu bagi had pembayaran bulanan

perumahan mengikut had umur pemohon dan mesti menyelesaikan hutang sebelum persaraan. Beban hutang yang dipikulnya dalam situasi jenis hutang-hutang berkenaan boleh diselesaikan dengan membuat permohonan bagi mendapatkan zakat di bawah asnaf *al-Gharimin*. Sebaliknya, jika berhutang diluar kategori hutang-hutang yang telah ditetapkan, sebagai contoh permohonan wang zakat *al-Gharimin* yang tidak dapat diterima oleh pihak MUIB: seseorang memohon pinjaman-pinjaman bagi perumahan atau pendidikan di institusi kewangan, sedangkan kedua-dua bentuk permohonan itu, Kerajaan Brunei telah menyediakan kemudahan dengan memberi subsidi bagi rakyat Brunei sendiri untuk memohon di bawah peruntukan skim perumahan dan pendidikan. Dengan kata lain, pihak MUIB telah menetapkan enam kategori hutang *dharuriyyat* yang menyebabkan seseorang itu dapat memohon wang zakat *al-Gharimin* di bawah asnaf fakir dan miskin; perlindungan, makan minum, pendidikan, pakaian, kesihatan dan kenderaan (penyediaan perkhidmatan bas anak sekolah sahaja dalam skim agihan zakat). (Hartina, 2019).

### **Kriteria mengenalpasti status individu muflis yang layak menerima zakat**

Mengikut hasil temubual (Hartina, 2019) kriteria individu muflis yang dapat dikenalpasti oleh MUIB iaitu jika individu tersebut datang ke pihak berkenaan untuk memohon bantuan. Terdapat dua senario bantuan yang difikirkan sesuai bagi melayakkan dirinya memohon wang zakat; pertama; jika ia memohon untuk menyelesaikan hutang-hutangnya di bawah asnaf *al-Gharimin* dan kedua, jika ia memohon bagi menampung perbelanjaan hariannya sahaja. Permohonannya yang pertama atas faktor ia berhutang dan juga dalam golongan individu muflis dan permohonannya yang kedua di bawah asnaf fakir dan miskin.

### **Agihan zakat bagi individu muflis yang memohon keperluan zakat.**

#### **1. Zakat asnaf *al-Gharimin***

Bantuan kepada *al-Gharimin* (orang yang berhutang).

#### **2. Zakat asnaf Fakir dan Miskin**

Sememangnya agihan wang zakat sedikit sebanyak berupaya mengurangkan bebanan hidup yang ditanggung asnaf-asnaf yang memerlukan. Walaupun agihan itu tidak menjadikan mereka khasnya fakir dan miskin berubah menjadi kaya raya, tapi cukup untuk menampung belanja hidup mereka seharian. Seharusnya mereka yang menerima wang zakat tidak merasa kecewa, sedih atau kesal dengan taraf hidup sedemikian, bahkan cabaran mestilah ditempuhi untuk memperbaiki taraf hidup dari semasa ke semasa. Jangan bergantung sepenuhnya kepada zakat yang diterima. Perlu ada usaha untuk mempertingkat taraf hidup diri sendiri.

Zakat adalah pemangkin untuk meningkatkan kualiti diri bukan untuk bergantung selamanya kepada zakat, melainkan bagi golongan daif dan uzur kerana usia lanjut atau penyakit yang sukar sembah dan sebab-sebab yang digariskan oleh ugama.

Di Negara Brunei Darussalam, MUIB telah menyenaraikan faktor-faktor yang membolehkan agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin seperti berikut:

1. Tidak mempunyai pendapatan;
2. Pendapatan tidak mencukupi dan tanggungan ramai;
3. Umur yang sudah lanjut, tidak mampu berusaha dan tidak ada yang menanggung nafkahnya;
4. Sakit atau cacat, tidak mampu berusaha dan tidak ada sesiapa yang diharapkan untuk membantu;
5. Balu, tidak ada sesiapa yang diharapkan untuk menyara kehidupannya dan keluarganya;
6. Ditinggalkan suami tanpa nafkah;
7. Suami dipenjara kerana kes jenayah dan dadah;
8. Bersara dan tidak ada lagi pendapatan.

Justeru dalam hal ini, walaupun dalam peruntukan zakat asnaf fakir dan miskin yang layak memohon hanyalah bagi individu dalam kategori fakir dan miskin, akan tetapi individu muflis juga boleh memohon wang zakat asnaf ini dengan syarat setelah mendapat kelulusan bagi mendapatkan bantuan wang zakat asnaf *al-Gharimin* dan tunggakan hutang-hutangnya diselesaikan dan selepas itu, jika ia masih tersenarai dalam kelompok faktor-faktor yang membolehkan memohon zakat di bawah asnaf fakir dan miskin, maka permohonannya akan dipertimbangkan (Hartina, 2019).

Agihan-agihan yang diberikan oleh MUIB secara umumnya merangkumi tiga objektif, iaitu:

1. Keselamatan Sosial;
2. Pembangunan Ekonomi; dan
3. Pembangunan Insan

Agihan atau bantuan-bantuan yang diberikan oleh MUIB adalah berbentuk Makanan Asasi; Wang Tunai Bulanan; Modal Berusaha atau membeli Peralatan Perniagaan; Bencana Alam atau Kecemasan (serta-merta); Bantuan Hari Raya dan Bantuan Akhir Tahun Masihi (untuk perbelanjaan persekolahan); Perbelanjaan Menunaikan Fardu Haji bagi Muallaf; Bantuan Rawatan Perubatan dan Tambang Penerangan; Bantuan kursus-kursus Bimbingan Muallaf; Pakaian Seragam dan Peralatan Sekolah; Bantuan kepada Musafir yang mengalami masalah belanja atau putus kewangan; Bantuan membina atau membaiki atau menyiapkan rumah dan membayarkan sewa rumah (Pelita Brunei, 2015).

Berikut adalah statistik muflis bagi tujuan menjelaskan senario dan gambaran secara terperinci individu yang dikategorikan sebagai seorang muflis.

**Jadual 1:Statistik muflis yang telah disabitkan oleh Mahkamah Brunei Darussalam, Tahun 2015 – 2018**

	2015	2016	2017	2018
<i>Bankruptcy Notice</i>	672	578	587	382
<i>Receiving Order</i>	408	465	461	213
<i>Adjudication Order</i>	47	33	59	32
<i>Recission</i>	97	43	89	73
<i>Discharge of Adjudication Order</i>	10	5	5	1
<i>Winding-Up Order</i>	9	7	18	5

Sebelum menganalisis statistik muflis berkenaan (<http://judiciary.gov.bn/>, 15 Julai 2019), ada lebih baiknya memahami beberapa perkara yang berkaitan dengan perangkaan statistik kes muflis Mahkamah Besar Brunei Darussalam (Azme Matali. 2018), iaitu:

**1. Notis Kebankrapan (*Bankruptcy Notice*):**

Pada asalnya, pemutang menghadapkan permohonan kepada mahkamah atas ketidakupayaan penghutang membayar hutang-hutangnya pada masa yang ditetapkan. Pemutang akan menghadapkan permohonan untuk mendapatkan perintah penerimaan.

**2. Perintah Penerimaan (*Receiving Order*):**

Pihak Mahkamah menerima permohonan dari pemutang, kemudian mengiklankan notis kebankrapan atas nama pemutang dan penghutang melalui surat khabar tempatan. Mahkamah memberi kebenaran atas permohonan pemutang bagi mengenakan sekatan kepada penghutang. Selepas perintah penerimaan dibuat, pemutang tidak boleh membuat apa-apa tindakan terhadap penghutang kecuali di bawah kebenaran mahkamah.

**3. Perintah Penghukuman (*Adjudication Order*):**

Sekiranya penghutang masih tidak membuat pembayaran yang ditetapkan, mahkamah membuat perintah penghukuman untuk mengisyiharkan muflis. Mahkamah tidak akan membuat keputusan, kecuali atas kebenaran dari

pemutang. Ini bermakna bahawa mahkamah melantik ‘pegawai penerima Rasmi’ untuk menjaga harta penghutang yang bertanggungjawab menyimpan semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh orang muflis sehingga habis jumlah hutang tersebut. Terdapat dua kaedah bagi pihak pemutang berhak untuk mengambil wang mereka kembali; pertama, setelah tamat tempoh pembayaran dan kedua, mengikut fasa dan budi bicara yang ditentukan oleh mahkamah.

#### **4. Pembatalan (Recession):**

Perbuatan membatalkan; pembatalan kontrak dan pulangan pihak-pihak kepada kedudukan mereka yang asal. *Ibra'* (perlepasan) dari diisytiharkan muflis.

#### **5. Perlepasan Perintah Penghukuman (Discharge of Adjudication Order):**

Mahkamah membenarkan atas permohonan orang yang diisytiharkan muflis atau wakilnya, mengikut laporan ‘Pegawai Pemegang Harta’ dan jika tiada penipuan maka perlepasan Perintah Hukuman dilaksanakan. Ini bermaksud jika penghutang sudah menghabiskan bayaran hutang, maka mahkamah melepaskan “Perintah Penghukuman” keatasnya.

#### **6. Perintah Penggulungan (Winding-Up Order):**

Adalah perintah penerimaan yang dikenakan kepada Syarikat Berhad sahaja. Prosesnya mengikut akta syarikat-syarikat.

Berdasarkan jadual 1, laporan statistik yang dikeluarkan dari tahun 2015-2018, individu muflis setiap hari akibat kegagalan menjelaskan bebanan bayaran hutang dari pelbagai bentuk pinjaman menurun dari tahun ke tahun berikutnya. Hampir seratus peratus kes muflis yang dilaporkan adalah yang berkaitan dengan penghutang secara perseorangan dengan pihak institusi-institusi kewangan sebagai pemutang. Jumlah kes tersebut akan bertambah dari masa ke semasa kerana setiap kes yang dihadapkan, akan mengambil masa bagi proses pelaksanaan dan penyelesaiannya, manakala tahap minima bagi kes muflis adalah lingkungan 15-20 tahun. Ini bermakna, selagi orang yang diisytiharkan muflis itu belum selesai melunaskan pembayarannya kepada para pemutang, maka kes tersebut masih dimasukkan ke dalam statistik pada tahun berikutnya. Jika seorang muflis tersebut berhasil menjelaskan semua hutangnya kepada pemutang-pemutang maka pemutang yang asalnya menghadapkan kes tersebut, hendaklah pihak tersebut sekali lagi menghadapkan proses bagi membatalkan kes muflis itu (Azme Matali, 2017).

Dalam sepanjang tempoh yang ditetapkan bagi penghutang menjelaskan hutang-hutangnya kepada pemutang-pemutang, hutang

tersebut tidak secara automatik diterima oleh pemiutang-pemiutang. Dalam hal ini, hutang-hutang tersebut disimpan dalam sebuah peti yang disediakan oleh mahkamah besar dan peti tersebut hendaklah disimpan oleh mahkamah besar itu sendiri yang diuruskan oleh ‘Pegawai Pemegang Harta’ yang diistilahkan sebagai ‘Penerima Rasmi’. Terdapat dua kaedah bagi pihak pemiutang berhak untuk mengambil wang mereka kembali; pertama, setelah tamat tempoh pembayaran dan kedua, mengikut fasa dan budibicara yang ditentukan oleh mahkamah (Azme Matali, 2017).

Jadual di atas menunjukkan terdapat enam kaedah atau tatacara bagi proses kes muflis yang dimasukkan dalam perangkaan statistik kes muflis mahkamah besar Brunei Darussalam, iaitu: Notis Kebankrapan (*Bankruptcy Notice*), Perintah Penerimaan (*Receiving Order*), Perintah Penghukuman (*Adjudication Order*), Pembatalan (*Recission*), Perlepasan Perintah Penghukuman (*Discharge of Adjudication Order*) dan Perintah Penggulungan (*Winding-Up Order*). Kesemua kaedah ini digunakan oleh pihak mahkamah bagi mengetahui dan mengenalpasti sebab-sebab penambahan dan pengurangan kes muflis setiap tahun.

Hasil dari perangkaan statistik yang terkumpul dari tahun 2015 sehingga 2018, jelas menunjukkan bahawa jumlah kes muflis yang dihadapkan oleh pemiutang-pemiutang kepada Mahkamah Besar menurun jumlahnya. Pada tahun 2015 seramai 672 kes muflis dihadapkan oleh pemiutang-pemiutang ke mahkamah dan pada tahun 2018, seramai 382 kes muflis telah diterima oleh mahkamah. Ini menunjukkan kurang dari 50 peratus penurunan jumlah kes tersebut dilaporkan. “Receiving Order” juga menurun dari jumlah 408 pada tahun 2015 kepada jumlah 213 pada tahun 2018. Selain itu, beberapa perkara selebihnya jika diperhatikan, menunjukkan jumlah statistik menurun dari tahun ke tahun berikutnya dan gambaran ini menunjukkan sesuatu yang amat positif.

**Jadual 2: Statistik Permohonan Zakat di bawah Asnaf al-Gharimin 2015-2019**

Tahun	Jumlah Pemohon
2015	94
2016	115
2017	199
2018	181
2019	60 (sehingga Jun)

Jadual 2 di atas (Roznehanizah, 13 Julai 2019) menunjukkan Statistik Asnaf Al-Gharimin dalam tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2015 hingga 2019 (sehingga Jun) telah mencatatkan sebanyak 649 permohonan. Jumlah permohonan menunjukkan trend meningkat dari tahun ke setahun

berikutnya, di mana pada tahun 2015 sebanyak 94 permohonan; tahun 2016 sebanyak 115 permohonan; tahun 2017 sebanyak 199 permohonan; tahun 2018 sebanyak 181 permohonan; manakala pada tahun 2019 (sehingga bulan Jun) sebanyak 60 permohonan yang sudah membuat permohonan. Peningkatan statistik ini disebabkan wang zakat adalah satu-satunya cara penyelesaiannya yang cepat dalam melangsakan hutang-hutang yang tertunggak. Pada masa akan datang, diharap trend ini akan menjadi suatu yang positif iaitu semakin menurun. Jika berlaku demikian, menunjukkan kedudukan kewangan yang semakin baik dalam kalangan masyarakat kita.

**Jadual 3: Statistik Pemohon Zakat Individu Muflis di bawah Asnaf *al-Gharimin* 2015-2019**

Tahun	Jumlah Pemohon
2015	Tidak ada
2016	10
2017	5
2018	5
2019	1 (sehingga Jun)

Pihak MUIB telah banyak menerima permohonan wang zakat oleh individu muflis melalui permohonan zakat di bawah asnaf fakir dan miskin. Cuma setakat ini beberapa individu muflis sahaja yang memohon zakat di bawah asnaf *al-Gharimin* (Roznehanizah, 2019).

Berdasarkan Jadual 3, Statistik Pemohon Zakat Individu Muflis di bawah Asnaf *al-Gharimin* yang diperoleh dari tahun 2015 sehingga 2019 (sehingga bulan Jun), hasilnya mendapati bahawa jumlah pemohon zakat dari individu muflis pada tahun 2015 tiada penerimaan permohonan, pada 2016 seramai 10 pemohon, manakala pada tahun 2017 dan 2018 menerima 5 permohonan setiap tahun dan pada tahun 2019 (sehingga Jun) menerima 1 permohonan sahaja. Hasil dapatan statistik ini menunjukkan bilangan individu muflis yang memohon wang zakat di bawah asnaf *al-Gharimin* semakin berkurangan dan ianya petanda yang baik bagi ekonomi negara dan khususnya kehidupan masyarakat.

## **INISIATIF PEMERKASAAN URUS TADBIR PELAKSANAAN ZAKAT YANG EFISIEN**

Jabatan MUIB telah menyedari berlakunya kelambatan dalam memproses agihan zakat kepada segelintir pihak yang berkaitan. Oleh kerana itu, jabatan ini telah membuat inisiatif untuk mempercepatkan permohonan dengan langkah-langkah berikut:

1. Menggunakan ICT melalui Sistem Pengurusan Zakat (SPZ) dan Agihan Zakat (BAKAZ);

2. Memberikan kefahaman kepada pemohon melalui borang-borang yang diedarkan mengenai mereka yang berhak menerima zakat dan mereka yang tidak berhak menerima zakat serta akibat-akibatnya mengikut Hukum Syarak;
3. Mengadakan kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Meneliti Permohonan Zakat pada setiap minggu; dan
4. Mengadakan kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat untuk sokongan.

Selain langkah-langkah yang dinyatakan di atas, jabatan juga telah mengenalpasti beberapa program yang boleh diketengahkan bagi membantu dan menyokong penerima wang zakat untuk menuju kepada usaha pembangunan jati diri serta ekonomi.

### **Program-Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ)**

Dengan inisiatif tersebut, pengagihan zakat telah dapat dipercepatkan dengan banyaknya, dan sungutan-sungutan pula dapat dikurangkan. Dalam usaha pembangunan ekonomi dan pembangunan insan dalam kalangan Asnaf Zakat, MUIB telah memperkenalkan Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) pada tahun 2007 dengan penglibatan rakan strategiknya dalam kalangan agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan syarikat-syarikat swasta.

#### **Program-program tersebut antaranya ialah:**

1. **PROPAZ - Pusat Pembangunan Belia:** Program yang berorientasikan pemerolehan ilmu kemahiran melalui latihan-latihan teknikal dan vokasional serta bimbingan pembangunan diri seperti Kursus Latihan Kemahiran Masakan dan Katering dan Pembuatan Kek dan Pastri; Latihan Kemahiran Plumbing / Pipe Fitting dan Air Conditioning / Refrigeration; Latihan Kemahiran Komputer dan Pengendalian Pejabat; Kemahiran Solekan / Dandanan Rambut; Latihan Kemahiran Sulaman / Jahitan Asas; Latihan Kemahiran Welding / Vehicle Body Repair dan lain-lain.
2. **PROPAZ - Perantis:** Program ini merupakan latihan kemahiran dalam pelbagai bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran, asas-asas bekerja dan kefahaman berhubung budaya dan etika kerja melalui latihan kemahiran dan penempatan kerja (apprentice) di syarikat-syarikat swasta. Penempatan Kerja ini dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan wang zakat, manakala dalam tempoh percubaan bekerja, bayaran gajinya akan dikongsi sama melalui peruntukan wang zakat dan syarikat.

**3. PROPAZ - Keusahawanan:** Program ini khusus bagi lepasan mana-mana peserta program PPB atau Perantis yang berminat untuk berniaga sendiri. Program ini merupakan kerjasama dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**4. PROPAZ - Pembangunan Diri:** Program ini ialah bagi kepentingan pembangunan dan keterampilan diri, para peserta program juga dilibatkan dengan beberapa aktiviti seperti kursus dan kem motivasi, kaunseling individu, aktiviti ceramah keugamaan dan lain-lain.

Peserta program juga diberikan keistimewaan seperti berikut :

- i. Kemudahan menaiki bas francais dengan potongan bayaran 50 peratus;
- ii. Kemudahan yang disediakan oleh pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan menyewakan pondok jualan pada kadar yang rendah untuk tempoh enam bulan pertama;
- iii. Pinjaman kewangan tunai pada skala yang kecil untuk modal permulaan perniagaan;
- iv. Menyalurkan peluang pekerjaan atau sebagai rakan strategik perniagaan oleh Koperasi KHEU;

#### **Statistik Perlaksanaan Program-Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ)**

Statistik ini berjalan selama 6 tahun (Pelita Brunei, 2015). Sepanjang program ini dijalankan bermula dari tahun 2008-2013 dari sesi pertama hingga sesi keenam, beberapa pencapaian telah diperolehi, seperti berikut:

1. Bagi program **PROPAZ – PPB**: Jumlah peserta pada awal program ini dijalankan iaitu pada tahun 2008 penyertaan adalah seramai 18 orang, tahun 2009 seramai 25 peserta, tahun 2010 seramai 40 peserta, tahun 2011 seramai 29 peserta, 2012 seramai 14 peserta dan tahun 2013 seramai 21 peserta.

Sepanjang tempoh tersebut sebanyak 75.5 peratus telah berjaya menamatkan kursus dan bekerja sama ada di jabatan kerajaan; atau sektor swasta dan berniaga. Manakala 24.5 peratus tidak menamatkan program disebabkan mencari pekerjaan, memilih tidak bekerja; menyambung belajar dan menarik diri / berhenti dari program.

2. Program **PROPAZ - Perantis**: Program ini mula diperkenalkan pada tahun 2012 dengan penyertaan seramai 55 peserta iaitu 32 orang pada sesi pengambilan pertama dan 23 orang pada sesi pengambilan kedua. 50.9 peratus telah berjaya dalam program ini dan telah mendapat tawaran pekerjaan dengan kerajaan atau bekerja di sektor swasta atau berniaga.

Manakala 49.1 peratus peserta gagal dalam program berkenaan disebabkan memilih untuk tidak bekerja; masalah kesihatan; menyambung belajar; dan sebagainya.

Beberapa kesukaran dihadapi dalam Program Pembangunan Insan antaranya ialah sikap individu itu sendiri yang lebih selesa dengan menerima bantuan setiap masa dari berusaha, lemahnya mentaliti, kurang daya saing dan daya tahan. Kita ingin menasihatkan supaya sikap buruk seperti ini perlu dikikis, jangan dibiarkan berterusan. Sebaliknya jadilah individu yang berwawasan, berdaya maju, berpendidikan, rajin, berdikari dan berjaya.

## PENUTUP

Orang muflis bererti orang yang tidak dapat membayar hutang, atau orang yang mempunyai hutang sekeliling pinggang, atau orang yang menanggung hutang jauh lebih besar daripada hartanya untuk membayar. Mereka dikategorikan orang yang tidak berharta. Islam tidak membiarkan penganutnya memikul beban sendiri. Setiap permasalahan ada cara penyelesaiannya. Justeru dalam masalah ini, pihak yang memang selayaknya membantu mereka mengeluarkan dari kepompong hutang dan kemiskinan adalah pihak MUIB melalui BAKAZ dengan menyalurkan dana peruntukan wang zakat di bawah asnaf *al-Gharimin* dan asnaf fakir dan miskin. Selain itu juga, beberapa program pengupayaan asnaf zakat (PROPAZ) juga dilaskanakan bagi membantu individu berkenaan dalam usaha menjadikan jatidiri yang berguna disamping dapat membangun ekonomi negara dan khususnya diri sendiri. Hasil usaha pihak-pihak berwajib, maka dapatlah dilihat beberapa perubahan dan peningkatan kemajuan dalam kehidupan mereka khususnya yang telah menerima dana zakat berkenaan dapat menikmati kejayaan dan berjaya sehingga tidak lagi bersandar kepada pertolongan wang zakat.

## RUJUKAN

- Ala al-Din al-Kharufah. 2018. *Aqad Hutang Piutang Menurut Syariat Islam Dan Undang-Undang Sivil*. Selangor: Crescent News.
- Azme Matali. 2017. *Muflis Dalam Pandangan Mazhab al-Shafi'i: Teori dan Praktikal di Negara Brunei Darussalam*. UNISSA Press.
- Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki. 2013. *Panduan Mengira Zakat*. Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah.
- Garis panduan Tugas dan Tanggungjawab Amil, Jabatan Majlis Ugama Islam. Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, 2007.
- Jabatan Hal Ehwal Ugama. 1981. *Jabatan Hal Ehwal Ugama 1954-1979*. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.

- Muhammad Jawad Mughniyah. 2000. *Fiqh Lima Mazhab: Ja'fari, Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hambali*. Tajuk Asal: Al-Fiqh 'ala al-Madzhi al-Khamsah. Penterjemah Masykur A.B ed, Cet. 5, Jakarta: Lentera.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan Ali-al-Syarbaji. 2000. *Fiqh Manhaji, Kitab Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi'i*, c. 4, j. 3, Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan Ali-al-Syarbaji. 2004. *Fiqh Mazhab Syafie*. Terj.Ust. Solehan bin Ayub. Shah Alam: Pustaka Salam Sdn, Bhd.
- Noresah Bte Baharom. 2007. *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peñin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim. 1969. *Zakat dan Fitrah di Negara Brunei*. Singapura: al-Ahmadiyah Press.
- Pelita Brunei. 2015. "Tingkatkan Taraf Hidup, Jangan Bergantung Sepenuhnya kepada Zakat".
- Peraturan Zakat dan Fitrah 1969, di bawah Enakmen Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 (bil. 20, tahun 1955, bil. 4 (1)).
- Raziah Md Tahir dan Syarifah Md Yusof. 2014. *Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin*. International Journal of Business and Technopreneurship. Volume 4, No. 3, Oct 2014 [477-494].
- Religious Council and Kathis Court Act Enactment 1955, (No. 22 of 1955).
- Al-Syarbini, Syeikh Muhammad. *Mughni al-Muhtaj*. Dar al-Fikr, Jil.2, (t.t).
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*. c.4, J. 6, Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1999. *Fiqh Perundangan Islam*, Jil 5, (Terj) Ahmad Shahbari Salamon et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahawa dan Pustaka.
- Hj Mohamed Khalid bin Haji Timbol, Ketua Seksyen Kutipan, BAKAZ; Abdul Ishraq bin Haji Ismail, Ketua Unit Siasatan, BAKAZ; Hartina binti Haji Ariffin, Ketua Unit Perancangan dan Penyelidikan; Haji Zakaria bin Haji Ajak, Seksyen Kutipan, Bakaz. Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam. 05 Julai 2018.
- Hj Muhammad Fahmi bin Hj Abas, Ketua Unit Pentadbiran, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat; Hartina binti Haji Ariffin, Ketua Unit Perancangan dan Penyelidikan; Roznehanizah Binti Haji Mohdzar, Ketua Unit Al-Gharmin, Seksyen Kutipan, BAKAZ. Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam. 04 Julai 2019.
- Brunei Darussalam, State Judiciary Department.  
[http://judiciary.gov.bn/Statistics%20Document%20Library/Bankruptcy%20-%20202016%202018\(As%20of%201st%20Nov\).pdf](http://judiciary.gov.bn/Statistics%20Document%20Library/Bankruptcy%20-%20202016%202018(As%20of%201st%20Nov).pdf). (diakses pada 15 Julai 2019).

